


## UPSI, IJNUC meterai MoA tawar program Sarjana Muda Psikologi



**Tanjong Malim, 20 November** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Kolej Universiti IJN (IJNUC) bagi melaksanakan program Ijazah Sarjana Muda Psikologi (Kepujian).

Perjanjian itu menandakan kerjasama strategik antara kedua-dua institusi untuk memperkukuh pendidikan psikologi dalam sektor penjagaan kesihatan negara melalui gabungan kepakaran akademik UPSI dan persekitaran pembelajaran klinikal IJNUC.

Di bawah perjanjian tersebut, UPSI bertindak sebagai badan penganugerahan ijazah manakala IJNUC akan melaksanakan pengajaran program berkenaan bagi melahirkan graduan yang kompeten, berperikemanusiaan dan bersedia memasuki industri.

MoA itu ditandatangani oleh Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff dan Naib Canselor IJNUC, Prof Emerita Durrishah Idrus di Bangunan Yayasan Selangor.

Menurut Prof Datuk Dr Md Amin, kerjasama berkenaan mencerminkan komitmen UPSI untuk memperluas impak pendidikan melalui perkongsian strategik yang menyatukan pengetahuan akademik dan aplikasi dunia sebenar.

"UPSI berbangga bekerjasama dengan IJNUC dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja memahami ilmu psikologi tetapi mampu mengaplikasikannya dalam konteks kesihatan.

"Integrasi psikologi dalam bidang perubatan amat penting ketika ini, sejajar penekanan negara terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan emosi sebagai keutamaan nasional," ujar beliau. Sementara itu, Prof Emerita Durrishah berkata kerjasama itu selari usaha IJNUC memperluas portfolio akademiknya ke luar bidang sains klinikal tanpa mengabaikan matlamat melahirkan tenaga profesional kesihatan yang berkemahiran serta empati dalam memberikan rawatan.

"Kerjasama ini membuka lembaran baharu buat IJNUC kerana psikologi mempunyai hubungan rapat dengan penjagaan kesihatan, khususnya dalam memahami tingkah laku manusia dan kesejahteraan mental untuk rawatan holistik.

"Dengan menggabungkan kekuatan IJNUC dalam pendidikan kesihatan dan keunggulan akademik UPSI, kita dapat menyediakan graduan yang seimbang dari aspek kompetensi dan belas ihsan, selaras dengan keperluan semasa," katanya.

Menerusi kerjasama tersebut, pelajar program berkenaan akan mengikuti kurikulum pelbagai disiplin yang merangkumi teori, latihan klinikal dan pendedahan kepada persekitaran penjagaan kesihatan bagi mengukuhkan pemahaman tentang dimensi psikologi dalam kesihatan.

Program itu dijangka ditawarkan pada September 2026 selepas memperoleh kelulusan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## MIST'25 2.0 Serlah Potensi Pelajar UPSI dalam Sains dan Teknologi

**Tanjong Malim, 30 November** - Muallim International Science, Technology, Mathematic and Sustainability Fiesta 2025 (MIST'25) 2.0 anjuran Fakulti Sains dan Matematik (FSM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), berjaya menjadi platform komprehensif dalam memupuk minat, kreativiti dan daya saing pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Inovasi, Matematik dan Kemampanan.

Dekan FSM, Prof Dr Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah berkata, penganjuran program yang

berlangsung dari 23 hingga 28 November itu memberi peluang kepada pelajar menonjolkan kepakaran melalui pertandingan, pameran, penganugerahan serta sesi perkongsian ilmu melibatkan pelbagai bidang. "MIST 2025 2.0 merupakan platform terbaik untuk menonjolkan potensi dan kepakaran pelajar FSM dalam bidang Sains, Teknologi, Matematik dan kelestarian," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan program berkenaan di foyer bangunan FSM UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjong Malim Perak di sini.

## Mahasiswa Anak Johor Zon Perak terima suntikan bantuan One-Off RM200

**Tanjong Malim, 28 November** - Seramai lebih 1,500 mahasiswa anak Johor daripada lima institusi pengajian tinggi (IPT) Zon Perak menerima Bantuan One-Off RM200 dalam Majlis Penyerahan Bantuan Mahasiswa Anak Johor 2025. Lima IPT yang terlibat ialah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Politeknik Ungku Omar (PUO), UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah dan UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar. Bantuan itu disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Senggarang merangkap ADUN Angkat Majlis Anak Johor (M@JOR) UPSI, YB Mohd Yusla Ismail, sebagai komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan kebajikan mahasiswa terus diberi keutamaan.

Beliau berkata, Kerajaan Johor sentiasa meletakkan kepentingan pendidikan sebagai asas pembangunan negeri, sejajar titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor.

"Jatuh bangun Negeri Johor ditentukan oleh kualiti dan pencapaian pendidikan anak-anak Bangsa Johor. Kita mahu melihat mereka bukan sahaja cemerlang dengan segulung ijazah, tetapi membesar sebagai insan yang bersedia mengharungi cabaran dan berbakti kepada bangsa dan negara. Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan majlis berkenaan yang diadakan di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI, hari ini.



### MYALLERGEN

#### Shellfish Allergen Panel - A Solution to Shellfish Allergy Diagnosis

Rosmilah Misnan<sup>1</sup>, Nur Farah Hani Azemi<sup>2</sup>, Masita Arip<sup>1</sup>, Husna Farhanah Ahmad<sup>2</sup>, Brenda Leecyous<sup>2</sup>, Kamalia Athirah Kamaruddin<sup>2</sup>, Lim Sheng Ming<sup>2</sup>, Muhammad Aqil Aryan Wong<sup>1</sup>, Remmy Keong Bun Poh<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Department of Biology, Faculty of Science and Mathematics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia  
<sup>2</sup>Allergy and Immunology Research Centre, Institute for Medical Research, National Institutes of Health (NIH), 40170 Shah Alam, Selangor, Malaysia  
<sup>3</sup>Biomed Global Sdn. Bhd., Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur, Malaysia

**FOOD ALLERGY: A SILENT THREAT TO 22 MILLION MALAYSIANS BY 2030**

Everyone reacts differently to food.  
Risk of anaphylaxis-sudden death.  
No cure, only prevention.  
Accurate diagnosis saves lives.  
Skin Prick Test (SPT) depends on imported allergen panels.

For more information:  
Prof. Dr. Rosmilah Misnan (rosmilah@fsm.upsi.edu.my)  
Dr. Nur Farah Hani Azemi (farah.hani504@gmail.com)

**MYALLERGEN has a solution**

**LOCAL & RELEVANT**  
Extracts from Malaysian shellfish species

**ACCURATE & VALIDATED**  
Clinically tested with Malaysian patient sera through IMR collaboration

**AFFORDABLE ACCESS**  
Reducing reliance on imported kits cutting diagnostic cost by up to 50%

**NPRA READY**  
Developed under ACTD compliant documentation for regulatory approval  
Supported by INAP Grant, KPT, 2025

## MYALLERGEN: Produk Penyelidik UPSI Ungguli Inovasi Tempatan bagi Diagnosis Alergi Makanan Laut

**Tanjong Malim** - Menjelang tahun 2030, dianggarkan seramai 22 juta rakyat Malaysia bakal berdepan risiko alergi makanan — satu ancaman senyap terhadap kesihatan awam negara. Antara punca utama ialah makanan laut khususnya kerang-kerangan yang boleh menyebabkan reaksi serius termasuk anafilaksis yang mengancam nyawa. Tanpa penawar khusus, langkah pencegahan dan diagnosis yang tepat menjadi kunci utama dalam menyelamatkan nyawa.


Bagi menangani cabaran ini, sekumpulan penyelidik tempatan telah membangunkan MYALLERGEN Shellfish Allergen Panel, inovasi diagnostik pertama seumpamanya di Malaysia. Projek ini diterajui oleh Profesor Dr. Rosmilah Misnan dari Jabatan Biologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) selaku Ketua Penyelidik, bersama pasukan penyelidik yang terdiri daripada Nur Farah Hani Azemi, Masita Arip, Husna Farhanah Ahmad, Brenda Leecyous, Kamalia Athirah Kamaruddin, Lim Sheng Ming, Muhammad

Aqil Aryan Wong, dan Remmy Keong Bun Poh. Pasukan ini merangkumi kepakaran pelbagai institusi termasuk Jabatan Biologi UPSI, Allergy and Immunology Research Centre, Institute for Medical Research (IMR), National Institutes of Health (NIH) serta rakan industri daripada Biomed Global Sdn. Bhd. Tidak seperti panel ujian import yang menggunakan spesies luar negara, MYALLERGEN menggunakan ekstrak daripada spesies makanan laut tempatan. Melalui kolaborasi dengan IMR, panel ini telah diuji menggunakan sera pesakit Malaysia dan terbukti mempunyai ketepatan klinikal yang tinggi.

Inovasi ini bukan sahaja meningkatkan ketepatan diagnosis malah mengurangkan ketergantungan kepada kit import sehingga 50%. Ia turut dibangunkan mengikut piawaian ASEAN Common Technical Dossier (ACTD) untuk kelulusan NPRA, menjadikannya bersedia untuk penilaian peringkat komersial. Kecemerlangan MYALLERGEN turut diiktiraf melalui pelbagai anugerah berprestij di

peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara pencapaian tersebut ialah Top 5 Awards (Ideator), Diamond Award dan Gold Medal (Ideator) di KL International Invention & Innovation Symposium 2025 (KLIIIS 2025), Diamond Award di International Invention & Innovation Competition (InIIC) 2025, Gold Award di 2nd International Development, Research & Innovation Exhibition (iDRIVE 2025) serta Silver Award di Edu@Innovate 2025.

MYALLERGEN turut dipamerkan di Festival of Idea 2025 anjuran KPT yang berlangsung di Putrajaya dari 4 hingga 8 November 2025, sekali gus menonjolkan keupayaan penyelidik tempatan menghasilkan inovasi diagnostik yang relevan, berimpak tinggi dan berpotensi dikomersialkan untuk manfaat kesihatan rakyat Malaysia.



**UPSI Cipta Sejarah dengan Kejohanan Olahraga Mini Para 2025**



**deVokalis UPSI Choir meriahkan Konsert WINGS 40 Tahun**



**Seminar Pemikiran P. Ramlee Tekankan Nilai Amanah dan Pendidikan Holistik dalam Seni**



**UPSI hantar pasukan sokongan psikologi bantu mangsa banjir di Kuala Slim**